

23 MAY 1999

Cuepacs-Perumahan

CUEPACS MINTA KERAJAAN BINA RUMAH KOS RENDAH DI PUTRAJAYA

IPOH, 23 Mei (Bernama) -- Cuepacs telah meminta kerajaan membina rumah kos rendah di pusat pentadbiran baru Persekutuan di Putrajaya bagi menampung sebilangan besar kakitangan awam yang berpindah ke sana mulai Jun.

Presidennya Siva Subramaniam berkata ini kerana pemaju menumpukan perhatian kepada pembinaan cuma rumah kos sederhana dan mahal di kawasan sekitar Putrajaya, kira-kira 50km dari Kuala Lumpur.

Oleh kerana sebilangan besar perkhidmatan awam terdiri daripada pekerja dalam kumpulan sokongan yang tidak mampu menduduki perumahan seperti itu, perpindahan ke Putrajaya akan membebaskan mereka, kata beliau pada persidangan media hari ini.

Siva berkata beliau telah membawa perkara itu kepada pengetahuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Siva, jawapan Perdana menteri amatlah menggalakkan.

"Saya yakin bahawa sesuatu yang positif akan dilakukan tidak lama lagi," kata Siva selepas pelancaran Taman Bercham Raya oleh Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib di sini.

Sebelum pelancaran projek perumahan kos rendah itu, kerajaan negeri, Cuepacs dan Zaman Teladan Sdn Bhd iaitu pemaju dan juga anak syarikat Emkay Group of Companies menandatangani memorandum persefahaman (MOU).

Siva berkata beliau juga telah membawa perkara itu kepada Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Halim Ali yang berjanji untuk memberi pertimbangan sewajarnya.

Terdahulu, Ramli berkata Perak akan memenuhi sasaran membina 17,200 unit rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Beliau berkata ini hasil program oleh kerajaan negeri yang menyaksikan 8,000 unit telahpun siap dan 10,000 lagi dijangka siap menjelang akhir tahun depan.

Program itu mempercepatkan kelulusan bagi projek perumahan kos rendah selaras dengan penekanan bagi merangsangkan sektor perumahan dan pembinaan sebagai sebahagian daripada usaha ke arah pemulihan ekonomi negara.

Ramli berkata, contohnya, kerja-kerja projek di Taman Bercham Raya akan bermula minggu depan, cuma lima minggu selepas pemaju memperolehi kelulusan dan dalam tempoh itu, ia juga menyiapkan kerja-kerja di tapak dan mengadakan rumah contoh.

Pengerusi eksekutif Emkay Datuk Mustapha Kamal berkata di bawah memorandum itu, keutamaan diberikan kepada kakitangan awam yang layak untuk membeli sebahagian daripada 1,439 unit kos rendah yang dibina oleh syarikat itu di Taman Bercham Raya, Taman Bercham Jaya dan Taman Ulu Kinta Jaya.

Syarikat berkenaan menerima 2,037 permohonan termasuk 702 daripada kakitangan awam bagi unit kos rendah.

Bagi projek Taman Bercham Raya, yang pertama daripada tiga projek, beliau berkata 746 unit berharga RM32,000 setiap sebuah akan dibina.

Syarikat itu juga menyediakan "one-stop centre" di tapak projek bagi pemohon yang berjaya untuk mendapatkan pembiayaan sehingga 95 peratus yang disediakan oleh Arab-Malaysian Bank dan Malayan Banking Bhd.

Bagi pinjaman sebanyak RM31,350 (iaitu 95 peratus daripada RM33,000) dengan faedah sembilan peratus dikenakan dan tempoh pembayaran balik melebihi 25 tahun, ansuran bulanan ialah RM258.

-- BERNAMA

MR RYN FAZ